

Kerjasama TPM Engineering, UKM

Sinar Harian

15 September 2017 | Jumaat

SINAR HARIAN • JUMAAT 15 SEPTEMBER 2017

NASIONAL 13

Kerjasama TPM Engineering, UKM

KUALA LUMPUR - TPM Engineering Sdn Bhd (TPME) dan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) menandatangani memorandum perjanjian (MoA) untuk bekerjasama dalam pembangunan prototaip alat pensterilan endoskopi yang dikenali sebagai R-Entique untuk dikomersialkan.

Pengerusi TPME, Datuk Ir Mohd Azman Shahidin berkata, perkongsian antara UKM dan TPME membuktikan kepentingan dalam keperluan kerjasama lebih erat antara institusi penyelidikan dan industri ke arah membangunkan inovasi baharu.

Menurutnya, inisiatif UKM membangunkan R-Entique jelas mencerminkan keupayaannya sebagai salah satu daripada lima universiti peneraju penyelidikan di Malaysia dengan hala tuju strategik untuk menjadi pemimpin serantau dalam kecemerlangan akademik dan penyelidikan.

"TPM dan TPME amat bangga dikaitkan dengan UKM dan berharap dapat mewujudkan hubungan lebih erat dalam membantu pengkomersilan penyelidikan masa depan mereka."

Kami yakin dapat memainkan peranan penting menyedia-

kan perkhidmatan dan kepakaran dalam menambah nilai kepada pembangunan baharu inovasi ke arah pencapaian aspirasi negara menjadi sebuah ekonomi berasaskan pengetahuan," katanya selepas majlis menandatangani memorandum itu, semalam.

TPME, anak syarikat Technology Park Malaysia Corporation Sdn Bhd (TPM) diwakili oleh Mohd Azman, yang juga Ketua Pegawai Eksekutif TPM.

Manakala UKM diwakili Prof Madya Dr Salina Husain selaku ketua projek dari Fakulti Perubatan UKM.

R-Entique, sebuah unit pensterilan endoskopi dengan alat pemegang dan built-in timer, adalah alat mudah alih serba guna, direka untuk penggunaan dan penyelenggaraan endoskopi.

Produk tersebut dianggap sebagai alat mudah dan berkesan, bukan sahaja untuk menyimpan,

tetapi juga membersihkan dan mensteril endoskopi pada masa sama, sekali gus meminimumkan kesilapan manusia masa serta kos.

Selain itu, ia mesra pengguna dan tidak memerlukan tenaga profesional teknikal untuk mengendalikannya.



Pengurus Besar TPM Engineering, Dr Mohamad Zaihirin Mohamed Reshi menandatangani MoU dengan Dr Salina, disaksikan Mohd Azman (berdiri, kiri) dan Ahmad Fauzi.



7% Diskaun Untuk Lot Bumiputera